

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Academic Session 2007/2008

June 2008

SEU322E – Applied Economics
[Ekonomi Gunaan]

Duration: [3 hours].

Please ensure that this exam paper has TWENTY THREE (23) printed pages before you begin the examination.

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH TIGA (23) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

INSTRUCTIONS/ARAHAN

- Please ensure that you fill in your exam registration number at every page of this exam booklet.

Sila pastikan anda mengisi angka giliran peperiksaan pada setiap helaian kertas peperiksaan ini.

- **Section A/Bahagian A** (70 marks/markah)

Answer **ALL** questions in Section A. Write your answers in the space provided.

*Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A. Tulis jawapan anda dalam ruang yang disediakan.*

- **Section B/Bahagian B** (30 marks/markah)

Choose only **TWO (2)** questions from Section B. Write your answers in the space provided.

*Pilih **DUA (2)** soalan sahaja dari Bahagian B. Tulis jawapan anda dalam ruang yang disediakan.*

| | Question No. | Marks |
|--------------|--------------|-------|
| Section A | 1 | |
| Section B | | |
| | | |
| Total | | |

Section A/Bahagian A (70 marks/markah)

Answer **ALL** questions in Section A. Write your answers in the space provided.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A. Tulis jawapan anda dalam ruang yang disediakan.

Question 1/Soalan 1

- a) Suppose income is spent entirely on two goods: rice and petrol. Due to shortages in rice and increased in the world price for oil, the prices of rice and petrol have increased. Point A marks the initial equilibrium before the change in price while point B denotes the new equilibrium after changes in price. L_1 and L_2 refer to the budget line before and after change in price, respectively. Utility function is expressed as $U(P,R) = 5PR$, where, P: petrol and R: Rice.

Andai pendapatan dibelanjakan kesemuanya atas dua jenis barangan: beras dan petrol. Oleh kerana wujud kekurangan beras dan peningkatan harga sedunia petrol, harga kedua-dua beras dan petrol telah meningkat. Titik A menunjukkan keseimbangan asal sebelum perubahan harga manakala titik B merujuk kepada keseimbangan baru selepas perubahan harga. L_1 dan L_2 masing-masing merujuk kepada garis bajet sebelum dan selepas perubahan harga. Fungsi utiliti ditulis sebagai $U(P,R) = 5PR$, iaitu, P: petrol dan R: beras.




Figure 1/Rajah 1

(13 marks/markah)

- i) From Figure 1, it can be concluded that the price of rice has increased more than the price of petrol. Is this true or false? Explain.

Dari Rajah 1, dapat disimpulkan bahawa harga beras telah meningkat lebih daripada harga petrol. Adakah ini benar atau palsu? Terangkan.

- ii) If the initial price of rice is RM2.00 per kg and the price per litre of petrol is RM3.00, how much is the consumer's income?

Jika harga asal beras ialah RM2.00 sekg dan harga petrol ialah RM3.00 seliter, berapakah pendapatan pengguna?

- iii) What is the changes in the consumer's consumption (kg) of rice after the increase in the price of rice?

Berapakah perubahan dalam penggunaan (kg) beras oleh pengguna setelah peningkatan harga beras?

- b) Tesco, Sunshine Supermarket and Giant hired Flyer Company to distribute its advertisement brochures to households while CityMart employ Brochure Company to distribute its advertisement leaflets. These leaflets provide information on the various promotions and products on sale each week at these supermarkets. In January 2008, employees at Flyer Company launch a strike that lasted for three weeks. As a result, the first three weeks in January, none of the Tesco's, Sunshine Supermarket's and Giant's leaflets were distributed. During the three weeks of strike, it is found that prices in CityMart increased 5% less than those in Tesco, Sunshine Supermarket and Giant. Why do prices in CityMart increased 5% less than Tesco, Sunshine Supermarket and Giant?

Tesco, Pasaraya Sunshine dan Giant mengupah Syarikat Flyer untuk mengedarkan brosur iklan kepada isirumah manakala CityMart mengupah Syarikat Brochure untuk mengedarkan brosur iklannya. Brosur-brosur ini mengandungi maklumat tentang promosi dan produk jualan setiap minggu di pasaraya-pasaraya ini. Dalam Januari 2008, pekerja-pekerja Syarikat Flyer telah melancarkan mogok kerja selama tiga minggu. Akibatnya, dalam tiga minggu pertama bulan Januari, brosur Tesco, Pasaraya Sunshine and Giant tidak diedarkan. Dalam tiga minggu mogok tersebut, didapati bahawa harga di CityMart meningkat 5% kurang daripada harga-harga di Tesco, Pasaraya Sunshine and Giant. Mengapa harga di CityMart meningkat 5% kurang daripada Tesco, Pasaraya Sunshine dan Giant?

(6 marks/markah)

- c) Vivian has been using hotmail to keep in touch with her friends. Recently, she heard about Gmail that also offers free email account plus better spam filter features than hotmail. Despite the many advantages of Gmail, Vivian is reluctant to use Gmail. Using network externalities theory, explain Vivian's reluctance.

Vivian menggunakan "hotmail" untuk berhubung dengan kawan-kawannya. Baru-baru ini beliau mendapat tahu tentang "Gmail" yang menawarkan akaun emel yang percuma serta banyak lagi ciri-ciri "anti-spam" yang lebih baik daripada "hotmail". Walaupun "Gmail" terdapat banyak faedah, Vivian kurang minat untuk menggunakan "Gmail". Dengan menggunakan teori eksternaliti rangkaian, mengapa Vivian kurang minat terhadap "Gmail".

(6 marks/markah)

- d) Adel lives in a world with two time periods, this period and the next period. In the beginning of each period, she receives an income of RM10,000 in the first period and RM5,000 in the second period.

Adel hidup dalam suatu dunia yang mempunyai dua tempoh masa, iaitu, tempoh kini dan tempoh hadapan. Pada setiap awal tempoh, beliau menerima pendapatan bernilai RM10,000 pada tempoh pertama dan RM5,000 pada tempoh kedua.

- i) If the interest rate is 10 % per time period, draw her intertemporal budget constraint. Label it clearly and give the maximum consumption that she can afford in each period.

Jika kadar bunga adalah pada 10 % setiap tempoh masa, lukiskan garis bajet antara masanya. Label dengan jelas dan berikan penggunaan maksimum yang dimampuinnya pada setiap tempoh masa.

(12 marks/markah)




Figure 2/Rajah 2

- ii) If Adel views her current and future consumption as perfect, one to one substitutes for one another, find her optimal consumption bundle. Also show this in the same graph as in (i). Explain your answer.

Jika Adel berpendapat bahawa penggunaan kini serta penggunaan masa depannya sebagai pengganti sempurna iaitu penggantian dengan nisbah satu kepada satu antara penggunaan pada kedua-dua tempoh, dapatkan penggunaan optimal beliau. Juga, tunjukkannya pada graf yang sama di (i). Terangkan jawapan anda.

- iii) If Adel consumes RM7,200 in the first period, what is her consumption in the second period given interest rate remains at 10% per time period and income remains at RM10,000 in the first period and RM5,000 in the second period.

Jika Adel menggunakan RM7,200 pada tempoh pertama, berapakah penggunaannya pada tempoh kedua jika kadar bunga kekal pada 10% bagi setiap tempoh dan pendapatan setiap tempoh masih RM10,000 pada tempoh pertama dan RM5,000 pada tempoh kedua. .

- iv) Assume Adel's consumption in first period at RM7,200 and income in the first and second period as RM10,000 and RM5,000 respectively with interest rate at 10%. If interest returns are taxable, draw the new intertemporal budget line and explain what will happen to Karen's consumption.

Andaikan penggunaan Adel pada tempoh pertama ialah RM7,200 dan pendapatan pada tempoh pertama dan kedua adalah RM10,000 dan RM5,000 dengan kadar bunga pada 10%. Jika pulangan kadar bunga dikenakan cukai, lukiskan garis bajet antara tempoh yang baru dan terangkan apa akan berlaku kepada pengguna Adel.

- e) PCK Company is interested in hiring an architect. Chu Kang the manager can either search for a potential employee himself or hire Jobstreet to find a suitable employee for him. If he searches himself, there is 30% chance of not hiring the right person for the job. In contrast, Jobstreet will always find the right person. If the right person is not found, then the value of his building design plan is only \$5000 compared to \$40,000 for the right person. Chu Kang's utility function is represented as $U = W^{0.5}$. What is the maximum fee that Chu Kang is willing to pay to Jobstreet to help him employ an architect?

Syarikat PCK berminat untuk mengupah seorang arkitek. Pengurusnya, Chu Kang boleh mencari pekerja tersebut secara sendiri atau mengupah Jobstreet untuk mencarikan pekerja yang bersesuaian baginya. Jika beliau mencari pekerja tersebut secara sendiri, terdapat kebarangkalian 30% tidak mengupah pekerja yang bersesuaian untuk jawatan tersebut. Akan tetapi, Jobstreet akan selalu dapat mencari pekerja yang bersesuaian. Jika pekerja yang bersesuaian tidak dapat diupah, maka nilai rekabentuk bangunan adalah \$5000 berbanding dengan \$40,000 jika pekerja yang sesuai diupah. Fungsi utiliti Chu Kang adalah $U = W^{0.5}$. Apakah yuran maksimum yang sanggup dibayar oleh Chu Kang kepada Jobstreet bagi membantunya mencari arkitek?

(6 marks/markah)

f)




Figure 3/Rajah 3

(9 marks/markah)

i) Why a rational investor will never choose the negative slope portion of the EE curve?
Mengapa seorang pelabur yang rasional tidak akan memilih bahagian keluk EE yang bercerun negative?

ii) What are the differences between an investor who hold investment portfolio at point D with one who holds an investment portfolio at point B?

Apakah perbezaan antara seorang pelabur yang memegang portfolio pelaburan pada titik D dengan seorang pelabur yang memegang portfolio pelaburan di titik B?

iii) Why would a rational investor not invest all his wealth into stocks only or risk free assets only?

Mengapakah seseorang pelabur yang rasional tidak akan melabur kesemua kekayaannya dalam stok sahaja atau aset tanpa risiko sahaja?

g) Suppose that you are searching the best price for Apple iPhone. The price distribution among shops that sell the Apple iPhone of the same model is uniformly distributed between RM 1,600 to RM 2,000. The cost of search is RM 15. Assume a company offers you RM1,700 but you decide to reject it and continue searching. After going into eight shops to compare prices, you finally accepted an offer which offers less than the first offer. Are you better off or should you have accepted the RM1,700 offer in the first place? Explain.

Andaikan anda sedang mencari harga terbaik bagi Apple iPhone. Taburan harga adalah seragam di antara RM1,600 dan RM2,000, bagi kedai-kedai yang menjual Apple iPhone bagi model yang sama. Kos pencarian ialah RM15. Andaikan terdapat sebuah syarikat yang menawarkan anda RM1,700 tetapi anda menolak tawaran tersebut dan terus mencari harga yang lebih berpatutan. Selepas membandingkan harga dalam lapan kedai, anda akhirnya menerima tawaran harga yang kurang daripada tawaran pertama anda. Adakah anda dalam kedudukan yang lebih baik ataupun haruskan anda menerima tawaran harga pertama iaitu pada RM 1,700? Terangkan.

(7 marks/markah)

- h) Kodak and Fuji produce photographic film. Kodak and Fuji have to decide the number of rolls of film to produce a day. The matrix payoff below gives the profits (\$million) associated with the combination of choices made by Kodak and Fuji.

Kodak dan Fuji mengeluarkan foto filem. Kodak dan Fuji harus menentukan bilangan gulung filem yang harus dikeluarkan sehari. Pulangan matriks di bawah memberi keuntungan (\$ juta) yang berkaitan dengan kombinasi pilihan Kodak dan Fuji.

| | | Kodak | | |
|------|-----|-------|-------|-------|
| | | 50 | 75 | 100 |
| Fuji | 50 | 16,16 | 14,21 | 10,20 |
| | 75 | 21,14 | 15,15 | 9,12 |
| | 100 | 20,10 | 12,9 | 5,5 |

Figure 4/Rajah 4

(5 marks/markah)

- i) What is the dominated strategy for Kodak and Fuji?

Apakah strategi dominan bagi Kodak dan Fuji?

- ii) What is the Nash equilibrium of the above game?

Apakah keseimbangan Nash permainan di atas?

- i) Sony and Panasonic are two firms competing in the audio visual industry. Sony has to decide whether or not to introduce a new digital camcorder. After that decision is made, the rival firm, Panasonic, can decide whether or not to introduce its own new digital camcorder. Once both firms have decided on their product introduction, Sony which is the industry leader, must now decide whether to participate in the Audio Visual fair. The firms profits are as follows with the first number being Sony's profit.

Sony dan Panasonic merupakan dua buah firma yang bersaing dalam industri audio visual. Sony harus mengambil keputusan samada hendak memperkenalkan sebuah perakam video digital yang baru. Selepas membuat keputusan itu, firma pesaingnya Panasonic harus mengambil keputusan samada hendak memperkenalkan perakam video digital baru. Setelah kedua-dua firma tersebut telah mengambil keputusan tentang pengenalan perakam video digital yang baru, Sony yang merupakan pemimpin dalam industri, perlu mengambil keputusan samada hendak menyertai Pesta Audio Visual. Keuntungan setiap firma adalah seperti di bawah. Nombor pertama merujuk kepada keuntungan Sony.




Figure 5/Rajah 5

- I : Introduce new product/Memperkenalkan produk baru;
- O : Does not introduce/Tidak memperkenalkan produk baru;
- F : Participate in audio visual fair/Menyertai Pesta Audio Visual;
- N : Does not participate in audio visual fair/Tidak menyertai Pesta Audio Visual.

What is the equilibrium for the case above? Give a brief explanation to your answer.

Apakah keseimbangan bagi kes di atas? Berikan suatu penjelasan yang ringkas bagi jawapan anda.

(6 marks/markah)

End of Section A/Tamat Bahagian A**Section B/Bahagian B** (30 marks/markah)

Answer only **TWO (2)** questions. Write the answers in the space provided.

Jawab DUA (2) soalan sahaja. Tuliskan jawapan dalam ruang yang disediakan

Question 2/Soalan 2

- a) Mat Hempit and Mat Jepit are two good law abiding citizens. Their friend, Mat Rempit is organizing an illegal motor racing rally and invites them to participate. He promises them good returns should they win the competition. However, as the rally is illegal, there is a risk of the participants being caught and fined by authorities. If Mat Hempit has lower risk preferences than Mat Jepit, is it true that Mat Rempit would need to pay Mat Hempit more money than Mat Jepit to convince him to participate in the motor racing rally? Include a graph in your explanation.

Mat Hempit dan Mat Jepit merupakan warganegara yang baik dan mematuhi undang-undang. Kawan mereka, Mat Rempit akan menyelaraskan suatu perlumbaan motosikal haram dan mempelawa mereka menyertainya. Beliau menjanjikan pulangan yang baik jika mereka menang perlumbaan tersebut. Oleh kerana, perlumbaan itu adalah haram, maka wujud risiko bahawa peserta-peserta mungkin akan ditangkap dan didenda oleh pihak berkuasa. Jika Mat Hempit mempunyai keutamaan yang lebih rendah terhadap risiko berbanding Mat Jepit, adakah ia benar bahawa Mat Rempit perlu membayar Mat Hempit lebih duit daripada Mat Jepit untuk menyakinkan beliau menyertai perlumbaan motorsikal haram tersebut? Gunakan graf dalam penerangan anda.

(8 marks/markah)

- b) Suppose that in a university town like Gelugor-Bukit Jambul area, there are many firms selling a similar product –Burgers and there are two types of consumers in that town. The town's permanent residents are fully informed about the prices of Burgers charged by the various restaurants and will always eat at the restaurant that charges the lowest price. On the other hand, the students from USM (temporary residents) are completely uninformed and simply choose the restaurant at random. Why a single price level may exist in the Burgers market in the Gelugor-Bukit Jambul area?

Katakan dalam suatu bandar universiti seperti kawasan Gelugor-Bukit Jambul, terdapat banyak firma yang menjual produk yang sama seperti Burger dan terdapat dua jenis pelanggan dalam bandar tersebut. Penduduk tetap bandar tersebut mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang harga-harga Burger yang dikenakan oleh beberapa restoran di sana dan akan selalu menjamu di restoran yang mengenakan harga yang paling rendah. Pelajar daripada USM pula (penduduk sementara) langsung tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap dan akan memilih restoran secara rawak. Mengapakah satu paras harga yang sama untuk pasaran Burger akan wujud di kawasan Gelugor-Bukit Jambul?

(7 marks/markah)

Question 3/Soalan 3

- a) While grading a group project assignment, a professor discovers that two groups have virtually copied from each other. He talks to each group leader separately and tells them that he is sure that they shared answers but he cannot be sure who copied from whom. He offers the group leaders a deal. If both group leaders confess, then each group will be given a grade F for the course. If both group leaders do not confess, then each group will be given a grade C for the course. However should only a group leader confess, then the group that confesses will be allowed to redo the assignment and resubmit it at a later while the other will be expelled from the university. Payoff matrix below summarizes the deal.

Semasa memeriksa suatu tugas projek kumpulan, seorang profesor mendapati bahawa dua kumpulan telah meniru satu sama lain. Beliau berbincang dengan setiap ketua kumpulan secara berasingan dan memberitahu mereka bahawa beliau pasti yang mereka telah berkongsi jawapan tetapi beliau tidak pasti siapa meniru siapa. Beliau menawarkan kedua-dua ketua kumpulan tersebut suatu perjanjian. Jika kedua-dua ketua kumpulan mengaku kesalahan, kedua-dua kumpulan akan mendapat gred F bagi kursus tersebut. Jika kedua-dua ketua kumpulan tidak mengaku kesalahan, maka kedua-dua kumpulan akan diberi gred C bagi kursus tersebut. Akan tetapi, jika salah seorang ketua kumpulan mengaku kesalahan, kumpulan tersebut akan diberi peluang untuk membuat tugas tersebut semula dan diserahkan kembali pada suatu tarikh lain manakala kumpulan yang lain itu akan disingkir dari universiti. Matriks pulangan di bawah merumuskan perjanjian tersebut.

| | | Group/Kumpulan 1 | |
|----------------------|----------------------------------|--|---|
| | | Do not confess/Tidak mengaku | Confess/Mengaku |
| Group/ Kumpulan 2 | Do not confess/ Tidak mengaku | C, C | Expel/Disingkir, Resubmit/Penyerahan semula |
| | Confess/Mengaku | Resubmit/Penyerahan semula, expel/Disingkir | F, F |

Figure 6/Rajah 6

- i) Do the group leaders have a dominant strategy? Explain.
Adakah ketua-ketua kumpulan tersebut mempunyai strategi dominan? Terangkan.
 - ii) What is the Nash equilibrium of the above scenario?
Apakah keseimbangan Nash dalam senario di atas?
 - iii) Is the Nash Equilibrium a Pareto Optimum outcome? Explain your answer.
Adakah keseimbangan Nash tersebut merupakan suatu keputusan Pareto Optimum? Terangkan jawapan anda.
- (10 marks/markah)
- b) The demand curve for a snob good cannot be horizontal. Explain why? Use a graph in your explanation.
Keluk permintaan bagi barangan sombong tidak boleh mendatar. Mengapa? Terangkan. Gunakan graf dalam penerangan anda.
- (5 marks/markah)

Question/Soalan 4

- a) Avis and Hertz are competitors in the car rental industry. Both Avis and Hertz have to decide whether to participate or not to participate in a Auto Car Fair next month. The matrix payoff below shows the profits (\$'000) corresponding to their actions. If Avis and Hertz move simultaneously (one shot game):

Avis dan Hertz merupakan pesaing dalam industri kereta sewa. Kedua-dua Avis dan Hertz harus membuat keputusan samada menyertai Pesta "Auto Car" bulan depan atau tidak. Pulangan matriks di bawah menunjukkan keuntungan (\$'000) yang berkaitan dengan tindakan mereka. Jika Avis dan Hertz bertindak secara serentak (permainan satu pusingan):

| | | Avis | |
|-------|------------------------------------|---------------------------|--|
| | | Participate/ Menyertai | Do Not Participate/ Tidak Menyertai |
| Hertz | Participate/Menyertai | 50, 50 | 100, 40 |
| | Do not participate/Tidak Menyertai | 40,100 | 20,20 |

Figure 7/Rajah 7

- i) If Avis and Hertz moves simultaneously, which outcome is Nash equilibria?
Jika Avis dan Hertz bertindak secara serentak, tindakan manakah merupakan Nash equilibria?
- ii) If Avis and Hertz use maximin strategy, what would be their actions? Explain your answer.
Jika Avis dan Hertz menggunakan strategi maximin, apakah tindakan mereka? Terangkan jawapan anda.

(8 marks/markah)




Figure 8/Rajah 8


The initial price of a Rolex watch is P_2 and the quantity demanded is Q_0 . Hence, the initial point is at E_0 . Assume that income has increased by 25% and as a result the Rolex watches have become more affordable. Show in the graph the changes in quantity following the raise in income and network externalities effect (if any). Label the graph clearly. With the aid of the graph above, explain clearly the dynamics of the changes in quantity following the change in income.

Harga asal sebuah jam tangan Rolex adalah P_2 dan kuantiti yang diminta ialah Q_0 . Oleh yang deminikian, titik asal ialah pada E_0 . Andaikan pendapatan meningkat sebanyak 25% dan ini menyebabkan jam tangan Rolex lebih dimampui. Tunjukkan dalam graf perubahan dalam kuantiti ekoran peningkatan pendapatan dan kesan eksternaliti rangkaian (jika wujud). Label graf tersebut dengan jelas. Dengan bantuan graf di atas, terangkan dengan jelas dinamik perubahan dalam kuantiti yang berlaku berikutan peningkatan pendapatan.

(7 marks/markah)

Question/Soalan 5

a)

Figure 9/Rajah 9

In a 200m stretch of shops, and customers are spread evenly across this stretch, it is observed that two 24 hours convenience shop, Shop A and Shop B that sell same goods at same prices, are located at the same spot in the center of the 200m row of shops. Using game theory, explain why the choice of location by Shop A and Shop B constitute a Nash Equilibrium.

Di sepanjang 200m barisan kedai, dan pelanggan adalah tersebar secara rata di sepanjang barisan kedai-kedai, didapati bahawa terdapat dua buah kedai runcit 24 jam, Kedai A dan Kedai B yang menjual barangan yang sama dan pada harga yang sama terletak bersebelahan satu sama lain pada bahagian tengah 200m barisan kedai tersebut. Dengan menggunakan teori permainan, mengapakah pilihan lokasi Kedai A dan Kedai B merupakan suatu keseimbangan Nash? Terangkan.

(5 marks/ markah)

- b) Azmi has RM100,000 to invest. He can buy a risk free asset that will pay 10% or he can invest in a stock that has 0.4 chance of paying 15%, a 0.3 chance of paying 18% and a 0.3 chance of providing a 6% return. Azmi plans to invest RM70,000 in the stock and RM30,000 in the risk free asset.

Azmi mempunyai RM100,000 untuk tujuan pelaburan. Beliau boleh membeli aset tanpa risiko yang akan memberikan pulangan sebanyak 10% ataupun melabur dalam stok yang akan memberi pulangan sebanyak 15% dengan kebarangkalian 0.4, pulangan sebanyak 18% dengan kebarangkalian 0.3 dan pulangan sebanyak 6% dengan kebarangkalian 0.3. Azmi bercadang untuk melabur RM70,000 dalam stok dan RM30,000 dalam aset tanpa risiko.

- i) Determine the expected return on stock in %.
Tentukan pulangan dijangka stok dalam %.
- ii) Calculate the expected return (in RM) on the portfolio, given the planned investment strategy outlined above.
Kirakan pulangan dijangka portfolio tersebut (dalam RM) bagi strategi pelaburan yang dicadangkan seperti di atas.
- iii) If the standard deviation of the stock returns is 4.47, write the equation that represents the budget line in the risk-return trade off in %. What is the slope of the budget line? Interpret this slope.
Jika sisihan piawai pulangan stok adalah 4.47, tuliskan persamaan yang merujuk kepada garis belanjawan tukar ganti risiko-pulangan dalam %. Apakah kecerunan garis belanjawan tersebut? Takrifkan maksud kecerunan tersebut.

(10 marks/markah)

End of Section B/Tamat Bahagian B

